

10 MAY 2003

MIC-Ekonomi

K'JAAN DIMINTA TINGKATKAN PEMILIKAN EKUITI MASYARAKAT INDIA

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- MIC hari ini meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan agensi-agensi yang berkaitan untuk merangka strategi dan pemulihan khusus bagi meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India daripada 1.5 peratus sekarang kepada tiga peratus menjelang tahun 2010.

"Unit Perancangan Ekonomi sepatutnya menjalankan kajian dan merangka satu pelan tindakan. Bagaimanapun, tidak ada sebarang langkah konkrit yang diambil untuk melaksanakannya," kata Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dalam ucapan presidennya pada Perhimpunan Agung Tahunan MIC ke-57 di sini hari ini.

Perhimpunan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan mengakui kedudukan ekonomi yang lemah dan penyertaan ekuiti yang rendah di kalangan masyarakat India di negara ini.

Kerajaan telah membuat komitmen yang jelas untuk merangka strategi dan pemulihan yang strategik bagi mempertingkatkan penyertaan pemilikan ekuiti masyarakat India, kata Menteri Kerja Raya itu.

"Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan dijadual dibentangkan di Parlimen menjelang hujung tahun ini. Oleh itu, MIC menggesa Datuk Seri (Dr Mahathir) untuk mengkaji semula perkara ini dan mengarahkan agensi-agensi yang berkaitan untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian," kata Samy Vellu.

Beliau juga berkata MIC berharap peruntukan RM20 juta yang diluluskan untuk menjalankan program menangani gejala sosial di kalangan masyarakat India Malaysia akan dapat ditambah.

Katanya ini kerana bilangan program dan kumpulan sasar yang semakin meluas.

"Kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan perlu diperkukuhkan. Di samping Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan harus memainkan peranan yang dinamik dalam menangani masalah remaja India Malaysia," katanya.

Sementara itu, Samy Vellu juga memberikan penghormatan kepada Dr Mahathir dan timbalannya di atas kepimpinan mereka dalam memandu negara ini ke arah kemakmuran.

"Di bawah kepimpinan anda, negara menyaksikan perpaduan, ekonomi yang kukuh dan pertumbuhan berterusan. Khidmat dan bakti sebahagian besar hidup anda kepada negara telah membolehkan Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang terkemuka di dunia," katanya.

Beliau berkata sepanjang tempoh khidmatnya sebagai menteri kabinet, Dr Mahathir menunjukkan kesabaran dalam mendengar keluhan berkaitan masyarakat India Malaysia dan melakukan yang terbaik untuk menyelesaikan segala kesulitan yang dibangkitkan.

MIC juga berkeyakinan bahawa Abdullah akan meneruskan kerja-kerja baik Dr Mahathir dalam membina Malaysia yang lebih teguh.

-- BERNAMA

SR MFJ ROS